



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SOALAN LAZIM

**PENGAMBILAN PEGAWAI BAHARU SECARA LANTIKAN
KONTRAK (INTERIM) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah maksud Lantikan Kontrak (Interim) dan mengapakah ia diperkenalkan?	Pengambilan secara Lantikan Kontrak (Interim) ini merupakan langkah interim bersifat sementara ke arah memperkenalkan kaedah baharu lantikan tetap pegawai Perkhidmatan Awam.
2.	Bilakah pengambilan pegawai baharu secara Lantikan Kontrak (Interim) akan bermula?	Pengambilan pegawai baharu secara Lantikan Kontrak (Interim) dilaksanakan secara berperingkat bermula pada 1 Februari 2024 dengan lantikan pegawai Perkhidmatan Awam di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) serta Pihak Berkuasa Melantik lain. Skim Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis adalah dikecualikan daripada urusan ini.
3.	Adakah urusan pengambilan pegawai baharu secara Lantikan Kontrak (Interim) ini turut dipanjangkan kepada pengambilan selain daripada Perkhidmatan Awam Am Persekutuan?	Ketetapan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Persekutuan serta Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing.
4.	Bagaimanakah kaedah permohonan untuk Lantikan Kontrak (Interim) ini?	Calon boleh membuat permohonan untuk Lantikan Kontrak (Interim) menerusi portal pengambilan Pihak Berkuasa Melantik masing-masing sepertimana lantikan tetap sebelum ini.
5.	Adakah proses pengambilan pegawai Lantikan Kontrak (Interim) sama dengan pegawai tetap?	Ya. Calon Lantikan Kontrak (Interim) akan melalui proses tapisan yang sama seperti proses pengambilan pegawai tetap.
6.	Berapa lamakah tempoh bagi Lantikan Kontrak (Interim) ini?	Tempoh Lantikan Kontrak (Interim) adalah selama tiga (3) tahun atau sehingga kaedah baharu lantikan tetap berkuat kuasa, yang mana terdahulu.
7.	Adakah pegawai Lantikan Kontrak (Interim) berpeluang untuk dilantik ke jawatan tetap?	Ya. Pegawai yang dilantik menerusi Lantikan Kontrak (Interim) ini akan dilantik secara tetap menerusi kaedah baharu lantikan tetap kelak tertakluk kepada prestasi dan perakuan Ketua Jabatan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
8.	Adakah pegawai Lantikan Kontrak (Interim) perlu melalui proses pengambilan semula untuk lantikan tetap?	Pegawai tidak perlu melalui proses pengambilan semula untuk lantikan tetap. Walau bagaimanapun, pelantikan tetap pegawai adalah tertakluk kepada prestasi dan perakuan Ketua Jabatan.
9.	Adakah gaji pegawai Lantikan Kontrak (Interim) berbeza dengan pegawai lantikan tetap?	Gaji pegawai Lantikan Kontrak (Interim) adalah sama seperti pegawai lantikan tetap. Penetapan gaji adalah berdasarkan kepada gaji permulaan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.
10.	Apakah faedah dan kemudahan yang disediakan untuk pegawai Lantikan Kontrak (Interim)?	<p>Faedah dan kemudahan yang disediakan untuk pegawai Lantikan Kontrak (Interim) adalah berdasarkan dasar dan peraturan semasa yang berkuat kuasa iaitu Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Urusan Perkhidmatan (UP):</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Ceraian UP 1.1.1 Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak; (b) Ceraian UP 1.1.8 Penambahbaikan Kemudahan Bagi Pegawai Lantikan Kontrak (Contract Of Service) Dalam Perkhidmatan Awam; dan (c) Ceraian UP 1.1.12 Pemberian Wang Tunai Sebagai Gantian Bagi Cuti Rehat Yang Tidak Dapat Dihakiskan Oleh Pegawai Lantikan Secara Kontrak (Contract Of Service). <p>Antara faedah dan kemudahan tersebut termasuklah pelbagai elaun dan bayaran insentif; cuti; rawatan perubatan; pinjaman kenderaan/ komputer; dan rumah kediaman/ kuarters.</p>
11.	Bagaimana proses penilaian prestasi bagi pegawai Lantikan Kontrak (Interim)?	Penilaian prestasi bagi pegawai Lantikan Kontrak (Interim) adalah berdasarkan dasar dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
12.	<p>Bagaimana proses penamatan pegawai Lantikan Kontrak (Interim)?</p>	<p>Proses penamatan pegawai Lantikan Kontrak (Interim) adalah berdasarkan terma kontrak dan Ceraian UP 1.1.1 Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak iaitu:</p> <p>(a) Pegawai Lantikan Kontrak (Interim) boleh menamatkan perkhidmatan kontrak dengan mengemukakan notis 30 hari atau membayar sebulan gaji sebagai menggantikan notis; atau</p> <p>(b) Kerajaan boleh menamatkan perkhidmatan kontrak pegawai dengan mengemukakan notis 30 hari atau membayar sebulan gaji sebagai menggantikan notis.</p>
13.	<p>Adakah urusan penentuan gaji permulaan semasa dilantik Kontrak (Interim) mengambil kira pengalaman sektor pekerjaan terdahulu?</p>	<p>Tertakluk kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Melantik berdasarkan peraturan dan dasar semasa yang sedang berkuat kuasa.</p>
14.	<p>Adakah pegawai-pegawai berikut yang terlibat dalam urusan pengambilan selepas 1 Februari 2024 akan dilantik secara Lantikan Kontrak (Interim)?</p> <p>(a) Pegawai Sedang Berkhidmat (PSB);</p> <p>(b) Peningkatan Secara Lantikan (PSL); dan</p> <p>(c) Pegawai lantikan SPA secara kontrak (COS) yang berkhidmat sekurang-kurangnya 15 Tahun di bawah Ceraian U.P 1.1.11 - Pengambilan Pegawai Lantikan Kontrak (Contract Of Service) Untuk Tujuan Pelantikan Tetap</p>	<p>Pegawai-pegawai tersebut dikecualikan daripada ketetapan Lantikan Kontrak (Interim) dan akan dilantik secara tetap tertakluk kepada dasar dan peraturan yang berkuat kuasa.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
15.	Apakah status pegawai lantikan secara kontrak (COS) yang sedang berkhidmat tetapi belum memenuhi syarat pelantikan tetap?	Status pegawai adalah kekal sebagai pegawai lantikan secara kontrak (COS).